

NO. SOALAN: 201

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

RUJUKAN : 8019

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah jenayah seksual yang dilaporkan pada tahun 2014 mengikut pecahan negeri, kaum, umur mangsa dan pemangsa. Nyatakan jumlah kes tersebut yang dibawa ke mahkamah dan jumlah kes yang telah disabitkan kesalahan.

JAWAPAN:

Pihak PDRM memandang serius terhadap jenayah seksual ini yang bukan sekadar menyebabkan kecederaan fizikal tetapi turut mencalarkan maruah (*dignity*) dan menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa terutama kepada kanak-kanak yang terlalu muda dan mentah. Di antara kes-kes seksual yang dilaporkan adalah kesalahan merogol, mencabul kehormatan, hubungan di luar tabii dan perbuatan atau isyarat yang dimaksudkan mengaibkan kehormatan seseorang.

Statistik kes seksual mengikut negeri bagi tahun 2014 seperti berikut:-

KONTINJEN	JUMLAH
PERLIS	68
KEDAH	390
PULAU PINANG	222
PERAK	268
SELANGOR	636
KUALA LUMPUR	377
NEGERI SEMBILAN	309
MELAKA	150
JOHOR	617
PAHANG	254
TERENGGANU	174
KELANTAN	294
SABAH	367
SARAWAK	216
JUMLAH	4,342

Statistik kes seksual mengikut kaum bagi tahun 2014 seperti berikut:-

BANGSA	JUMLAH
Melayu	3,131
Cina	407
India	211
Lain-lain	593
JUMLAH	4,342

Statistik kes seksual mengikut umur mangsa bagi tahun 2014 seperti berikut:-

UMUR	JUMLAH
Bawah 16 tahun	1,936
16 - 18 tahun	830
Atas 18 tahun	1,576
JUMLAH	4,342

Statistik kes seksual mengikut umur suspek (pemangsa) bagi tahun 2014 seperti berikut:-

UMUR	JUMLAH
Bawah 18 tahun	681
Atas 18 tahun	4,334
JUMLAH	5,015

Statistik pertuduhan dan jatuh hukum bagi tahun 2014 seperti berikut:-

KONTINJEN	PERTUDUHAN	JATUH HUKUM
PERLIS	2	1
KEDAH	39	1
PULAU PINANG	49	0
PERAK	3	0
SELANGOR	271	12
KUALA LUMPUR	57	1
NEGERI SEMBILAN	13	0
MELAKA	68	0
JOHOR	14	6
PAHANG	46	0
TERENGGANU	21	0
KELANTAN	55	3
SABAH	64	8
SARAWAK	6	3
JUMLAH	708	35